

PROSEDUR KELULUSAN PROGRAM PELAJAR KE LUAR NEGARA

1.0 Tujuan

Prosedur ini disediakan untuk menerangkan proses mendapat kelulusan menganjurkan aktiviti ke luar negara.

2.0 Tanggungjawab


Bahagian Pembangunan Pelajar (BPPel), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) bertanggungjawab memantau dan memberi khidmat nasihat sebarang kegiatan/aktiviti/program yang melibatkan pelajar di Politeknik Malaysia.

3.0 Peraturan am

- 3.1 Pelajar yang boleh mengadakan program ke luar negara ini hendaklah terdiri daripada pelajar/persatuan/pertubuhan pelajar yang berdaftar dengan politeknik tersebut.
- 3.2 Aktiviti mesti disertai oleh Pegawai Pengiring yang terdiri daripada staf politeknik tersebut.
- 3.3 Pelajar mengisi borang jaminan diri yang melepaskan Politeknik daripada sebarang tanggungan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini akibat kecuaiannya pelajar atau tingkahlaku pelajar sendiri.
- 3.4 Semua negara boleh dilawati kecuali Israel.
- 3.5 Di antara jenis aktiviti luar negara adalah seperti :
 - 3.5.1 Penyertaan persidangan/seminar/kursus/pertandingan
 - 3.5.2 Lawatan sambil belajar
 - 3.5.3 Khidmat masyarakat dan sukarelawan
 - 3.5.4 Program usahawan
 - 3.5.5 Program-program Pembangunan Pelajar
- 3.6 Kelulusan pemohon bergantung kepada keupayaan mendapatkan pembiayaan kewangan; peruntukan institusi atau persendirian.
- 3.7 Program ke luar negara hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan daripada pihak yang berkaitan terlebih dahulu seperti :
 - 3.7.1 Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, TKP (O), Pengarah Bahagian;
 - 3.7.2 Lain-lain jabatan/Kementerian sekiranya aktiviti yang akan dijalankan memerlukan kelulusan Jabatan/Kementerian berkenaan (jika berkaitan).
- 3.8 Membeli insuran perjalanan yang khas untuk ke tempat lawatan.
- 3.9 Maklumat berkaitan lawatan perlu dihantar kepada Kedutaan Malaysia di negara terlibat.



4.0 Carta alir permohonan

TINDAKAN	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA
		Mula
Pelajar/penganjur		Hantar permohonan
Pengurusan Politeknik		Terima, semak dan kelulusan Pengarah Politeknik
Pelajar/penganjur/politeknik		Kemukakan permohonan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik
JPP		Terima, semak dan kelulusan permohonan
JPP		Surat kelulusan diserahkan kepada pemohon
Pelajar/penganjur/politeknik		Kemukakan maklumat lawatan kepada Kedutaan Malaysia di negara tersebut
		Tamat

** Pegawai Pengiring yang dilantik secara rasmi atau tidak oleh pihak Politeknik untuk mengiringi pelajar perlu memohon sendiri kelulusan perjalanan rasmi (mengikut pekeliling yang sedang berkuatkuasa) kepada pihak berkenaan.